

CNS0727

R GB 26 04 00163 BA239

bah

Mahathir Zimbabwe

MALAYSIA DAN ZIMBABWE PERTINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI

Daripada Zainoor Sulaiman

T

HARARE, 26 April (Bernama) Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk membuka lembaran baru dalam kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Zimbabwe.

Dengan mengetuai perwakilan 15 orang pegawai kanan kerajaan dan 40 wakil sektor swasta, Perdana Menteri dijadual mengadakan perbincangan dengan Presiden Robert Mugabe untuk mengenal pasti bidang-bidang baru bagi peningkatan kerjasama dan perdagangan dua hala.

Kedua-dua pemimpin akan menyaksikan upacara menandatangani tiga perjanjian dua hala, iaitu perjanjian cukai dua kali, perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian perkhidmatan udara.

"Perjanjian perjanjian ini akan menjadi medan bagi usaha meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Zimbabwe," kata seorang pegawai kanan Wisma Putra.

Semasa lawatan lima harinya itu, Dr Mahathir telah dijemput untuk merasmikan Pesta Perdagangan Antarabangsa Zimbabwe (ZIFT) 1994 di Bulawayo, bandaraya yang kedua terbesar di Zimbabwe, 450 km ke timur dari sini. --
Lagi.

▼26/04/19-02MST

R GB 26-04 00125 BC537

bah

Mahathir-Zimbabwe 2 Harare

Mugabe menyifatkan lawatan itu sebagai lawatan yang akan meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

"Malaysia dan Zimbabwe sudah pasti dapat meningkatkan hubungan mereka dalam semua bidang," katanya dalam perutusan kepada peserta ZIFT 1994.

Lebih 1,000 syarikat daripada 33 negara mengambil bahagian dalam pesta perdagangan itu, kata Pengurus Besar ZIFT Graham Rowe.

Penyertaan dari Malaysia terdiri daripada Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Silverstone Tire and Rubber Co.Sdn.Bhd., Berjaya Group Berhad, Mechmar Boilers Sdn.Bhd., Petronas, UMW Corporation Sdn.Bhd., L.B. Food Sdn. Bhd., DMIB Bhd., Aluminia (Malaysia) Sdn.Bhd., Intraco Hardware (M) Sdn. Bhd., Welding Industries (M) Sdn.Bhd., Orgavyl Chemical Industries Sdn.Bhd. dan Majlis Pengangkutan Minyak SASPO Malaysia. --
Lagi

▼26/04/19 20MST

CNS0761

R GB 26-04 00073 BC538

bah

Mahathir-Zimbabwe 3 (Akhir) Harare

Kehadiran banyak wakil sektor swasta menggambarkan kesungguhan Malaysia untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan perniagaan antara kedua-dua negara.

Selain daripada menghadiri pesta perdagangan, ahli-ahli perniagaan Malaysia akan menemui rakan perniagaan mereka dari Zimbabwe untuk menggalakkan perdagangan dan projek usahasama.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara sekarang adalah kecil, berjumlah RM19.4 juta pada 1993 dengan memihak kepada Malaysia. -- Bernama

25 AKD

▼26/04/19 24MST